

20 JUN 2000

ICFM-Kewangan/I

MALAYSIA AKAN BANGKITKAN ORDER BARU KEWANGAN PADA MESYUARAT OIC

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Malaysia akan mendesak supaya Persidangan Menteri Luar Negara Islam (ICFM) ke-27 di sini minggu depan menerima satu resolusi mengenai penubuhan kerangka kewangan antarabangsa (IFA) bagi menjamin "suara yang lebih kuat" untuk membawa perubahan dalam pasaran kewangan dunia.

"Kami merasakan bahawa OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) boleh digunakan sebagai satu saluran bagi mendapatkan sokongan daripada negara-negara anggota, yang secara kolektifnya merupakan kuasa yang menggerunkan dalam kewangan global.

"Dan diharapkan, Kumpulan 20 (G 20) akan mendengar," kata Timbalan Ketua Setiausaha (1) Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak dalam satu temubual dengan Bernama di sini baru-baru ini.

Kumpulan G-20 adalah campuran tujuh negara paling kaya dalam G-7, 11 pasaran ekonomi baru muncul dan dua wakil institusi yang memainkan peranan penting dalam ekonomi dunia.

Negara terbabit termasuk Argentina, Australia, Brazil, China, India, Mexico, Russia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Korea Selatan, Turki manakala wakil institusi datang dari Kesatuan Eropah dan Tabung Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia.

G-20 yang menggantikan G-22 dan G-33, dijangka mempunyai mandat luas bagi membincangkan isu-isu dalam ekonomi dunia termasuk mencegah krisis dan isu kerangka kewangan baru.

Malaysia telah menegaskan bahawa sistem kewangan global perlu diubah, jika tidak ekonomi membangun akan terus bergantung kepada belas kasihan spekulator matawang yang tidak bertanggungjawab.

Mesyuarat para pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik pada September lepas di Auckland, New Zealand telah menyokong gesaan supaya perubahan dalam pasaran kewangan untuk menghalang krisis kewangan berlaku di rantau ini pada masa depan.

Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton pada mesyuarat Apec itu juga telah memperakui bahawa "menjadi satu kesilapan jika perubahan tidak dilakukan terhadap kerangka kewangan antarabangsa."

Ahmad Fuzi berkata perbincangan mengenai IFA patut membabitkan negara maju dan negara membangun.

Beliau berkata ICFM juga akan membincangkan perkara membabitkan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), terutama pelancaran pusingan rundingan baru mengenai perdagangan pada 2003.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan ICFM pada 27 Jun. Persidangan empat hari itu juga akan dihadiri oleh Setiausaha Agung OIC, Dr Azeddine Laraki.

Kira-kira 1,000 anggota perwakilan dari negara anggota OIC akan menghadiri mesyuarat itu, kali kedua dianjurkan oleh Malaysia. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah mesyuarat itu pada tahun 1974.

OIC yang dibentuk pada 1969, mengandungi 56 negara anggota dan empat negara pemerhati termasuk Bosnia dan Herzegovina serta Thailand.

-- BERNAMA

ES LAT